

21/11/1999

Subky lawan Mahathir

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan ditentang Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Subky Latif di Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum 29 November ini.

Kedua-dua calon yang masing-masing diiringi dua calon Dewan Undangan Negeri (DUN), Jitra dan Tunjang tiba di pusat penamaan calon, di Pejabat Daerah Kubang Pasu, serentak jam 9.20 pagi.

Dr Mahathir yang memakai baju Melayu berwarna merah jambu diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah dan bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff yang tidak bertanding di Jitra.

Terdahulu, Dr Mahathir yang diiringi kira-kira 1,000 penyokong Barisan Nasional (BN) membawa bendera dan sepanduk sambil menyanyikan lagi 'Barisan Kita' dan menjerit 'Hidup Barisan, Hidup Umno' berarak dari pejabat Umno Kubang Pasu, kira-kira 400 meter dari pusat penamaan calon.

Dr Mahathir menyerahkan borang pencalonan kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Datuk Mohd Farouk Ibrahim, pada jam 9.24 pagi. Beliau dicadangkan oleh Osman dan disokong Lim Lye Huat.

Subky yang berbaju Melayu berpetak turut diiringi kira-kira 1,000 penyokong dan berarak dari pejabat Tenaga Nasional Bhd Kubang Pasu menyerahkan borang pencalonan pada jam 9.49 pagi.

Bagi DUN Tunjang, calon BN, Barishah Saad yang mempertahankan kerusi itu ditentang Pengerusi Tetap Pas Pusat, Abu Kassim Abdullah. Calon BN di Jitra, Prof Dr Othman Ishak pula menghadapi bekas Setiausaha Politik Osman, Mat Nayan Saad.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid pula menerima tentangan calon Ahli Jawatankuasa Penerangan Pas Kedah, Che Din Arshad di DUN Kuah.

Kedua-dua calon mengemukakan borang penamaan calon di Pejabat Daerah Langkawi antara jam 9 hingga 10 pagi diiringi kira-kira 700 penyokong.

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin pula ditentang Ketua Pemuda Keadilan Kedah, Mocktar Mansor bagi parlimen Merbok.

Daim yang tiba di Pejabat Daerah Kuala Muda, Sungai Petani diiringi 2,500 penyokong BN menyerahkan borang pencalonan kepada Pegawai Pengurus Pilihan raya Datuk Abu Bakar Yaakob, kira-kira jam 9.48 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Abdul Hamid Othman yang mempertahankan Parlimen Sik dicabar pengarang novel Shit, Datuk Prof Shahnnon Ahmad.

Kedua-dua calon menyerahkan borang pencalonan di Pejabat Daerah Sik. Shahnnon menyerahkan borang pada jam 9.25 pagi, manakala Abdul Hamid pada jam 9.55 pagi.

Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang mempertahankan kerusi Parlimen Kulim Bandar-Baharu berhadapan dengan Ketua Perhubungan Keadilan Kedah, Sheikh Azmi Ahmad.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor pula mencabar Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Othman Abdul.

Fadzil turut bertanding di DUN Anak Bukit menentang calon BN, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin.

Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar pula, sekali lagi mencabar Wan Mohd Hanafiah Wan Mohd Saman bagi parlimen Pokok Sena, manakala AJK Pas Pusat, Mohamad Sabu yang pertama kali bertanding di Kedah menentang calon baru, Dr Fauzi Abdul Hamid bagi parlimen Kuala Kedah.

Bagi Parlimen Baling, Pas menampilkan muka baru, iaitu bekas Imam Masjid Negara, Taib Azzamudden Md Taib, manakala BN juga muka baru, Bahador Shah

Md Isa yang pernah menjadi Setiausaha Politik Sanusi ketika di Kementerian Pertanian.

(END)